Tuan Pengerusi, saya menhadangkan di-samping mengadakan ASA ini untuk menjaga perkembangan perhubungan luar negeri Malaysia dengan dunia² luar, saya menhadangkan supaya masalah Commonwealth Islam di-tubuhkan dan berpusat di-Malaysia sendiri tetapi di-dasarkan di-atas perkara² social, perkara agama dan perkara kebudayaan tidak seperti ASA yang menchamporkan ekonomi dan tidak seperti Maphilindo yang merupakan stock atau human stock dan begitu juga politik tetapi ini merupakan pergaulan dan merupakan kebudayaan dan merupakan agama. Dengan demikian walau kita menemui jalan buntu dalam perkara² yang lain tetapi dengan wujud-nya satu secretariat yang rasmi yang sa-macam itu dapat kita mengatasi perkara² rumit yang lain sa-bagaimana kita tengok Pakistan dengan India walau pun mereka itu terchebor di-dalam peperangan, walau di-namakan peperangan, tetapi tidak di-ishtiharkan, tetapi perhubungan diplomatic mereka itu tidak terputuskan dan sampai sekarang ini pun boleh kita katakan tidak begitu sehat sangat perhubungan-nya antara dua buah negeri itu tetapi mereka itu dapat menunjukkan sikap yang terbaik² sa-bagaimana kita tengok datang-nya High Commissioner Pakistan di-Kuala Lumpur dan kita tengok pihak Kedutaan atau pun Pesuruhjaya Tinggi India ada bersama² menyambut-nya. Jadi ini dapat kita mengubati perkara² yang lain. Hal ini di-buat oleh tiap² negeri yang kalau pun bukan negeri Islam tetapi yang banyak pandudok² nya Islam. Kita, pada hari Khamis ini kita, menerima satu rombongan UAR (United Arab Republic) atau pun Republic Arab Bersatu—RAB—ia-itu yang di-katakan Majlis Tertinggi Ugama Islam dan orang² ini melawat negara² kita hanya di-atas asas ugama, kebudayaan dan juga pergaulan. Jadi, Tuan Pengerusi, ini-lah satu perkara yang dapat memperkuatkan lagi kedudukan negara kita sa-bagai satu negara yang menulis atau pun merakamkan

Islam itu sa-bagai ugama rasmi, tidaklah mustahak kita menunggu Pakistan membuat secretariate yang rasmi samacham ini atau negeri² mana, kita sendiri, Malaysia, boleh buat dan saya dapat menjaminkan kapada Tuan Pengerusi bahawa nama Tunku Abdul Rahman dan sa-tengah² nama Menteri² kita mendapat sambutan yang baik di-dunia² luar.

Saya tidak tahu satu perkara yang saya hairan, Tuan Pengerusi, nama-nya kurang tersebut, Menteri, tetapi dia dapat nama baik di-luar. Saya minta ma'af kapada Tuan Pengerusi, hendak sebutkan nama-nya sebab kalau tidak sebutkan tidak terang ia-itu Captain Abdul Hamid Khan dengan Abdul Rahman Ya'kub sa-takat yang saya berjalan, nama mereka ini di-sebut² sangat sa-bagai tokoh yang patut mengambil kechergasan dalam arena perhubungan luar negeri. Saya tidak tahu apa-kah yang di-buat oleh Menteri Tanah dan Galian dan apa-kah perhubungan aslinya dengan Menteri Kebajikan dan Masharakat dengan tempat² di-sana, tetapi nama mereka itu ada-lah disebut dengan amat tinggi dan saya perchaya kalau tokoh² ini-lah menjadi pelupor di-dalam perhubungan baharu—dalam lambaran baharu ini Malaysia walau pun kechil akan mendapat tempat yang baik dan tinggi.

Tuan Pengerusi, dalam Kedutaan² yang saya sempat melawat, saya merakamkan ucapan terima kaseh kapada Kedutaan Thailand di-Karachi apabila saya melawat di-sana di-masa itu perhubungan kita telah terputus dan orang² itu telah mengambil berat dari hal ra'ayat Malaysia yang melalui ka-Pakistan hendak pergi ka-negeri² lain. Apa yang saya sebutkan, Tuan Pengerusi, memang umat Thailand ini bukan sahaja wanita²-nya tetapi diplomat-nya lemah lembut budi pekerti-nya dan pada masa itu udara dingin (musim sejok) dan perhubungan diplomatic pun putus, kebetulan pula tidak ada tempat yang saya hendak membawa diri hendak mengadu tetapi apabila saya berjumpa dengan pegawai² Diplomat Thai saya berasa dingin—sejok sudah menjadi panas—dan kesaorangan menjadi ada sahabat,

pandai mereka itu berchakap dan pandai mengambil hati dan ini jauh bedza-nya dengan sa-tengah² Kedutaan kita yang saya berjumpa, jadi saya tidak hendak berchakap panjang tetapi saya kata jauh bedza-nya. Hanya, Tuan Pengerusi, yang saya tidak tahu-lah kalau saya pun hendak kena tertawan hati, oleh kerana saya di-beri peluang pergi ka-Manila, maka Duta kita di-Manila memang sesuai untuk Manila. Kita tahu Manila itu bandar apa dan memang betul-lah Kerajaan kita memilih orang yang sesuai duduk di-situ, dan dia melayan pehak² Pembangkang dan pehak² Kerajaan sama, dan dia pandai bergaul. Dan ini pun satu contoh yang saya rasa kita tukar beliau itu daripada satu tempat ka-satu tempat supaya mengajir pegawai² di-bawah bertauladan bagaimana hendak menjadi sa-orang Duta.

Tuan Pengerusi, ada pun masaalah dalam S. 21 ia-itu berkenaan dengan Urusan Haji, bagitu juga berkenaan dengan pertolongan ambulance bagitu dan bagini. Saya tidak-lah hendak minta Kerajaan ini memberi peluang kapada orang² PAS dapat pergi sama dengan kapal haji menjadi pegawai kebajikan, supaya haji dapat dengan melalui O.G.S. tetapi saya bersetuju sangat dengan pendapat yang di-beri oleh sa-orang Ahli tadi bahawa pegawai² kebajikan itu patut di-chari daripada tokoh² yang tahu perubahan dresser mithal-nya. Jadi ada-lah guna. Ada pun kita menghantar orang lain pergi, dia ini menyusahkan orang lain pula, sebab dia berchakap banyak, menziarah banyak pada kawan²-nya, jadi orang hendak tidur pun tidak boleh. Tetapi kalau sa-kira dia itu sa-bagai sa-orang dresser yang sudah mempunyai pengalaman, dia sa-orang doktor, itu amat-lah berfaedah kalau kita menghantar orang² itu memimpin rombongan itu.

Ada pun masaalah yang saya dengar daripada pehak Kementerian tadi mengatakan bahawa kita akan menyewa rumah yang lebih elok lagi bagi kemudahan orang² haji. Saya tidak tahu di-mana ada-nya rumah, yang saya tahu ada rumah tompang; kita sewa, yang kita beli tidak ada, di-sana tidak

ada tempat. Dan amat-lah dhaif, erti-nya amat-lah tidak menasabah-nya persiapan² yang di-buat oleh Kerajaan kita untuk melayan orang² yang naik haji itu berbanding dengan tempat² yang lain. Ambulance, Tuan Pengerusi, kita menguntokkan \$10,000 ia-itu \$10,000 ini sa-buah motokar, orang-nya sudah tentu-lah sampai 5,000-6,000, dresser yang saya tahu ada-lah, kalau tidak salah saya 2-3 orang doktor pun yang datang bersama² dengan orang itu sahaja, tidak-lah doktor di-sana. Ini berbanding, Tuan Pengerusi, dengan Indonesia, yang kita katakan Indonesia itu pada masa tahun yang lalu bukan main susah kedudukan ekonomi-nya, tetapi dresser-nya 50 lebih, bilek mengawal orang² haji itu betul² macham bilek operation hendak berperang, tahu dia orang ini duduk di-mana, orang ini duduk di-mana, orang ini duduk di-mana. Tetapi kita hanya ada 2-3 nurse saya puji-lah tentang appearance-nya lawah² dan berseih, tetapi sa-orang sahaja yang saya nampak nurse tua dan dresser di-dalam itu. Ini patut-lah kita mengubah sikap² yang sa-macham ini dan kita memberi kemudahan yang lain.

Saya lebih suka, Tuan Pengerusi, kalau masaalah haji ini—masaalah menjaga orang haji—tidak di-jadikan kepala yang satu bagini. Saya suka dimasukkan di-dalam tourism ia-itu di-dalam pelanchongan. Pada tahun sudah saya berkata, bagi saya, masaalah haji ini bagi kita orang Islam masaalah ugama—masaalah ibadat, tetapi dari segi perhubungan international ini merupakan pelanchongan yang besar. Jadi jangan-lah kita pisah²kan masaalah membuat ibadat dengan masaalah hidup yang sa-benar, dengan sebab itu-lah apabila kita pindahkan Kepala ini kapada Kepala Ugama hendak di-jadikan satu pejabat yang baharu pula, tentu-lah berat perbelanjaan-nya tetapi kalau duduk di-bawah satu Kepala yang sudah lama maka tentu-lah perkara itu mudah di-buat persiapan² yang lebih kemas lagi.

Saya mengalu²kan pehak Kerajaan yang telah berjaya mengadakan perhubungan diplomatik sa-mula dengan

Kerajaan Pakistan, dan saya dapat tahu hari sa-malam Duta Pakistan atau Pesuruhjaya Tinggi Pakistan telah sampai ka-negeri kita ini dan kita harap-lah segera orang² kita dapat memenohi jawatan² di-Pakistan dengan sa-berapa segera.

Ada pun di-Timor Tengah, sa-bagaimana yang di-katakan oleh sahabat saya daripada Kuala Trengganu Utara ia-itu Lebanon atau Beirut, ia-lah satu tempat yang chergas dari segi politik dan dari segi pengintipan rahsia di-dalam dunia. Maka tidak-lah patut kita menghantar Konsul Yang Terhormat, patut-lah kita mengadakan Konsul yang penoh atau pun kita mengadakan kedutaan di-sana dengan sa-berapa segera.

Tuan Pengerusi, saya berjumpa beberapa orang di-sana dan orang itu pun terlampau-lah sangat ingin hendak datang ka-Malaysia ini dan mereka itu suka hendak di-adakan perhubungan², terutama perhubungan diplomatik, tetapi saya tidak berchakap apa² oleh kerana pada masa itu kita belum dengar fikiran lagi dan saya pun datang bukanlah bagi pehak Kerajaan. Tetapi mereka itu mengirim salam dan rupa²-nya mereka itu kenal bahawa Tuan Speaker kita yang dahulu ia-lah sa-orang bekas penuntut di-Beirut. Jadi nama Dato' Haji Mohamed Noah itu amat-lah di-kenal di-sana dan saya menhadangkan bahawa Dato' Haji Mohamed Noah itu menjadi Duta kita yang pertama ka-Beirut. dan kemudian apabila dia balek kita kirim pula Deputy Speaker-nya mengambil tempat-nya di-situ (*Ketawa*).

Dr Lim Chong Eu (Tanjong): Mr Chairman, Sir, I do not wish to enter into this debate from the policy point of view, although we on this side of the House have often enough urged the Government to put up a White Paper on its foreign policy, so that its foreign policy can be debated. Under those circumstances, Sir, where the Government's foreign policy has been one which is pragmatic and day-to-day, it is interesting to follow the arguments made by the Honourable Member for Kota Star Selatan, because we do not

know whether this is an indication of the shape of things to come or otherwise. However, it was salutary and probably educative to listen to the exchanges of opinions between the Honourable Member for Kota Star Selatan and the Honourable Member for Batu because, on the one hand listening to one, it would appear as though we in Malaysia should aspire to become a nation which can contribute much to the international political scene and even affect the trend of events in the world, on the other hand, in a much more limited manner, the Member for Batu from his constituency would seek to become an Asian leader. However, I think, Sir, that the Honourable Minister of Foreign Affairs, who is also the Prime Minister himself, has set very much the pattern of the foreign affairs of our country from the point of view that he realises that our nation is a small nation and, therefore, we should progress from that attitude.

I wish to touch on one aspect. It is covered, Sir, under references to the emoluments for the diplomatic staff in the various parts of the world and also, in particular, to the contribution for the Malaysian National Secretariat for ASA; in particular referring not only to the personnel emoluments provided for that organisation but for the Special Expenditure and the other Charges Annually Recurrent for the Malaysian National Secretariat for ASA.

Sir, referring to this particular Head, I wish to say that if Malaysia today, under the definite terms and conditions of financial stringency, which the Honourable Minister of Finance has clearly indicated to us during the course of the Supply Bill, and if Malaysia under those circumstances, can just forward to the rest of the world that we are a determined nation, determined in the sense that we want to forge ahead in our development and we want to make a place for ourselves in the world and survive as a free and independent country in economic competition throughout the rest of the world, that, I think, is as good an objective as we can possibly have. It would certainly

be better than the image which now prevails throughout the world of a country, which goes around trying to form Aid-to-Malaysia Club, and our foreign affairs is only merely an extension of this policy of going "begging bowl-in-hand", and all our attitudes, therefore, are dependent upon this aspect of our own political weakness.

Under the circumstances, Sir, I feel that our foreign policy should be directed on the one hand, to establish goodwill and friendship with other nations, particularly with the Afro-Asian nations, and particularly with Asians in South-East Asia in those nations, which constitute the group of nations which come under ASA group, and the proposed extension of ASA, and in so developing our foreign policy we should seek to try and obtain avenues of development for our trade with areas and with nations around us.

Sir, it rather ludicrous for us to think in terms of whether we should become a balancing power in the conflict between Russia and China when we know a little bit about Russia, in view of our recent trade delegations, and we know absolutely nothing about what is happening in China on first-hand. Sir, I certainly would not cross swords with the Honourable Member for Kota Star Selatan because from what he reads and from what he speculates about what is happening in the revolution in China, I, too, can speculate, and our speculations are both equally valid. So, Sir, under those circumstances, we have little to argue about. However, Sir, it does appear that when we have already made an announcement that our intention immediately after confrontation is to consolidate the achievements that were made prior to confrontation with the development particularly of the ASA group, and our intention is to extend the ASA concept to include other nations in South-East Asia, then, I think, Sir, the provisions that are made for ASA in pages 257 and 259 indicate, in actual fact, a lack of intent for the Government to proceed with

what it has already declared to be its intention.

Sir, I feel that there must be a very positive effort on the part of our Government to make friends with our neighbouring countries in South-East Asia and to bring them together into some kind of an agreement whereby, first of all, there is harmonisation in ideas and policies of trade and of economic survival in this area, so that there will be liberalisation in trade and tariff controls in the nascent nations in South-East Asia. If possible, Sir, we should aim towards the eventual development even of a common market area in this ASA area.

Further, Sir, following the amount of money which we have spent during the period of confrontation, where we made good friends with the newly emergent nations, particularly in Africa, I feel, Sir, that what we should do now is to go a step further and consolidate that friendship and translate it into terms of further economic ties, so that the Afro-Asian components of our foreign affairs should play an even more important part in our future as compared to what it has been up to this date. For example, Sir, the three important nations around us—three important nations which supply much of the cultural patterns which today find Malaysia the crucible of amalgamation—namely, Indonesia, India and China, are three nations where we as an independent nation with already an indentity of our own are afraid to participate and find out more about what is happening in these three nations. Probably, Sir, our contacts with India are closer, but certainly even with the end of confrontation our contacts with Indonesia, and certainly our contacts with China, are negligible; and as such, our foreign affairs and our foreign policies must be dependent not entirely on our own assessment of what we ourselves find, but from what other people tell us. Under those circumstances, Sir, we are not just a question of being classified, as the Honourable Member for Batu slightly call us. "British Malaysia". We are, in actual fact, still not entirely an independent nation from

the point of view of foreign affairs. Sir, under the circumstances, in spite of the fact that our political ideologies do not permit the Government to have diplomatic exchanges with these big neighbouring countries, I do feel that the policy of the Government should be such that it should extend, or begin to extend feelers and make way to find new means of contacting and establishing some kind of rapport with countries, whose ideologies may be entirely different from us. Sir, from that point of view, it would appear as though I am deviating from the thesis I have proposed: namely, that our foreign policy at the present moment should be directed really to support this battle for economic and industrial survival in our country. But, in actual fact, Sir, I appreciate the arguments made, particularly by the Honourable Member for Kota Star Selatan, that there are larger foreign affair issues and issues of external relationships which, as I said, should probably be touched upon under discussion on a foreign policy debate rather than on the Budget debate.

Immediately, Sir, I would like to point out certain defects in the provisions of this Budget, in the sense that our provisions for Trade Commissioners appear under the Ministry of Commerce and Industry. I realise, Sir, that there is a provision for twenty-one Trade Commissioners to be sent round to various embassies and consulates throughout the world where we already have service organisation. However, in actual fact, not all the twenty-one posts have been filled, and in view of the immediate need of letting the world know what Malaysia's economic plans are, I feel that it is important for the Foreign Affairs Department to co-operate closely with the Ministry of Commerce and Industry to ensure that the Trade Commissioners are placed immediately in areas which are adjacent to ourselves. On the one hand, it means that we must immediately begin to prepare for expansion in the nations, which come under the ASA group, and in the nations which come under what we consider to be the proper natural extension of ASA.

Sir, I would like to have seen, for example, provisions under Personal Emoluments for service staff to be stationed not only in New York and Washington but also on the Pacific Coast in San Francisco in case of United States, and in Seattle or in Vancouver in the case of Canada, so that our contracts with these two nations should come via the Pacific route rather than through the old traditional Atlantic European route. Sir, if the Government is not yet prepared to extend a consular service to San Francisco, I feel that immediately a Trade Commissioner should be appointed in San Francisco, so that our relationship with the United States can be more direct and more pertinent.

Finally, Sir, all that I would like to say with regard to this subject is that I hope that the Government will, as soon as possible, make the relationship between East and West Malaysia truly national. At the present moment, Sir, the need for West Malaysian citizens to produce passports and travel papers, when they go into East Malaysia, into the States of Sabah and Sarawak, certainly creates a situation where there is a minor problem for the Ministry of Foreign Affairs, and I hope that the Ministry can, as soon as possible, eliminate the need for having our citizens produce travel documents within our own country.

Thank you, Sir.

Tuan Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya bangun ini menyokong belanja yang telah di-kemukakan oleh Yang Berhormat Pemangku Menteri Luar Negeri ini. Dalam perkara dasar luar negeri, saya mengalu²kan pengumuman yang di-buat oleh Dr Adam Malik baharu² ini dengan mengatakan bahawa kita dengan Indonesia akan mengadakan pemulahan hubungan diplomatic sa-mula bagaimana biasa.

Yang kedua, saya juga mengalu²kan dengan pemulahan diplomatic kita dengan Kerajaan Pakistan. Dalam hal dasar luar negeri ini, Tuan Pengerusi, saya gemar menyokong pandangan

yang di-berikan oleh Yang Berhormat rakan saya daripada Kuala Trengganu Utara supaya dapat Kerajaan memikirkannya dan menimbangkan bahawa kita harus mengadakan Consul Kehormat dengan China Communist. Sebab apa saya kata begitu, Tuan Pengerusi, walau pun kita tidak mengiktiraf Kerajaan China Communist, kita tidak mengiktiraf Kerajaan China di-Formosa, tetapi dalam bidang perniagaan, kita telah mengadakan Consul dengan Kerajaan Formosa. Dengan Kerajaan China Communist kita telah mengadakan hubungan perdagangan dan perniagaan. Kita tidak mahu churi², bila hendak mengadakan hubungan perniagaan ini, terkena-lah wakil² perniagaan getah dan lain² pergi ka-Hong Kong berunding dengan wakil² perniagaan daripada China Communist. Dengan ada-nya Consul ini, maka bertambah baik perjalanan perniagaan kita antara dua buah negara ini.

Sa-lain daripada itu, saya nampak dalam usaha meluaskan perhubungan peringkat Consul ini, saya memandangkan sa-buah negara lagi patut kita adakan, ia-itu negara Madagaskar supaya dengan ini dapat kita membuat perhubungan dengan chara kebudayaan dan social dan juga perniagaan, sebab di-Madagaskar ini penduduk²-nya ramai daripada keturunan orang² kita Melayu.

Sa-lain daripada itu dalam dasar kita juga kita ta' suka kapada Kerajaan penjajahan dan kita sentiasa mahu membantu negeri² yang belum merdeka. Oleh itu, saya nampak dalam arah ini elok kita membuat hubungan dengan Kerajaan British. Dengan jalan itu, Kerajaan British boleh memerdekakan sa-buah negeri dalam Gugusan Pulau² Melayu ini yang dalam penjajah British sekarang, ia-itu negeri Brunei, supaya negeri itu dapat masuk dalam Persekutuan Malaysia, tetapi itu atas soal mereka sendiri. Apa yang kita mahu, yang saya mahu, supaya Brunei itu di-beri kemerdekaan dan kita patut memberi sokongan kapada negeri ini pada mendapatkan kemerdekaan itu, sebab, Tuan Pengerusi, sa-lagi ada penjajah² dalam Gugusan Pulau² Melayu ini sa-lama itu-lah negara²

Gugusan Pulau² Melayu ini hidup-nya saperti duri dalam daging.

Satu perkara, Tuan Pengerusi, saya hendak menarek perhatian—muka 260, Butiran (1), Pengawal Urusan Haji dan Pechahan-kepala², Perbelanjaan Urusan Haji ini. Dua² butiran ini, pechahan-kepala ini, saya bangkitkan sa-kali. Tahun yang lalu telah berlaku kira² 200 orang telah di-tetapkan pulang dengan kapal yang pertama, tetapi mereka enggan balek dengan kapal yang pertama itu untuk menjhukupkan muatan itu, terpaksa pula kita meng-ambil penumpang² kapal yang kedua. Natijah-nya kapal yang kedua itu, terpaksa terlambat masa bertolak. Dua kapal yang terakhir dalam pelayaran membawa penumpang² kita yang lebeh daripada had yang di-tentukan. Hal ini telah melanggar peratoran pelayaran antara bangsa. Puncha-nya mereka ini enggan menaiki kapal bagaimana yang telah di-tentukan, kapal yang pertama dan kapal yang kedua itu, tujuan mereka hendak pergi berziarah ka-Masir, ka-negeri Timor Tengah dan hal ini patut di-beri perhatian oleh Kementerian ini supaya kejadian ini tidak berlaku lagi, dan kalau mereka hendak menziarahi lain² negeri sa-bagaimana yang telah di-buat-nya pada masa itu sayugia lebeh awal di-beritahu Kementerian ini supaya dapat di-betulkan penumpang². Ini dapat demi keselamatan penumpang² dalam kapal itu.

Yang kedua-nya, Tuan Pengerusi, berhubung dengan haji ini juga. Saya nampak bakal² haji kita ini bertambah dari sa-tahun ka-satahun. Ini berpuncha daripada kema'moran Malaysia. Saya hendak katakan, mithal-nya, di-daerah saya di-Muar sahaja 70 orang hendak ka-Mekah tahun ini bertolak, di-Tanjong Karang dan Sabak Bernam 280 orang; di-negeri Kelantan, di-Perlis dan Kedah dan lain² memakan angka hampir² ribu orang. Bakal² haji ini ada yang menangis dengan sebab mereka itu di-tolak, kerana ta' ada kapal yang muat. Saya fikir patut di-tambah lagi kapal membawa bakal² haji ini ka-Mekah pada tahun yang akan datang. Di-samping itu, saya fikir bakal² haji ini sayugia di-utamakan

menyimpan wang dalam Tabong Perbadanan Haji yang telah sedia ada sekarang sa-kurang² mereka mesti simpan di-Tabong itu sa-tahun; sa-telah mereka simpan sa-tahun, baharu-lah boleh di-utamakan mereka pergi menunaikan fardhu haji. Ini dapat di-bekukan wang itu dalam Tabong Haji dan dapat menchermatkan ekonomi negara kita, dan dapat kita memileh dan dapat pula lagi satu usaha, supaya Tabong Perbadanan Haji ini di-perkembangkan kapada ra'ayat Islam di-seluruh Malaysia ini. Itu-lah sahaja.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah (Kelantan Hilir): Tuan Pengerusi, saya mengambil bahagian sadikit di-dalam S. 20 dan S. 21. Tuan Pengerusi, di-dalam soal polisi luar negeri, nampak-nya Kerajaan Perikatan telah membuat dua perubahan yang paling besar. Pertama, ia-lah soal Maphilindo telah di-kuborkan. Dan soal yang kedua, ia-lah mengadakan perhubungan, mula² pada masa sekarang ini dengan sa-chara perdagangan, tetapi mengikut laporan dan kenyataan yang telah di-buat oleh Yang Teramat Mulia Tengku Perdana Menteri, bahawasa Malaysia bersedia akan mengadakan perhubo-ngan yang baik dengan Russia, kerana Kerajaan Russia sekarang ini telah menjadi negeri kominis yang baik.

Tuan Pengerusi, soal Maphilindo yang telah di-kuborkan oleh Kerajaan itu, suka-lah saya menarek perhatian Kerajaan sa-kali lagi supaya di-kaji sa-mula soal Maphilindo ini. Boleh jadi keputusan yang telah di-ambil oleh Kerajaan untuk menguborkan soal Maphilindo dahulu, ia-lah kerana pada masa itu, ada-lah pengaruh Komunis di-Indonesia sedang berma-haraja lela dan titek perhubungan atau pun titek mengadakan satu ikatan yang erat di-antara Malaysia-Indonesia dan Filipina, harus tidak dapat di-jalankan kerana sebab² yang saya sebutkan tadi. ia-itu pengaruh Komunis sangat² kuat pada masa tersebut. Tetapi sekarang ini, kita sa-kalian telah ketahu, bahawasa pengaruh Komunis telah dapat di-hapuskan oleh Kerajaan yang ada pada masa sekarang ini. Oleh sebab yang demikian, maka timbul-lah pula peluang bagi Kerajaan, untuk

mengkaji sa-mula soal Maphilindo ini, dengan tujuan supaya di-bahathkan sa-kali lagi soal Maphilindo ini, mudah²an dengan keadaan suasana politik yang baik ini dapat di-jalankan. Saya meminta kepada Kerajaan, supaya di-ulang kaji balek soal Maphilindo ini ia-lah kerana banyak sebab²-nya yang mustahak.

Tujuan sa-sabuah Kerajaan meng-adakan satu pakatan saperti Maphilindo, ia-lah untuk memperbaiki, bukan sahaja untuk memperbaiki, bahkan untuk hendak menyelamatkan kedudukan kita dari segi ekonomi, politik dan lain² lagi. Maka dengan berdiri-nya Maphilindo yang terkandung di-dalam-nya tidak kurang daripada 150 juta ra'ayat jelata yang mempunyai rupa bangsa yang satu, yang mempunyai bahasa yang boleh di-katakan satu, dan kesenian yang satu, dan bahasa yang satu, dan di-ikat pula dengan ikatan ugama yang paling kokoh, maka dengan sebab² dan rukun² yang mustahak ini, akan menjayakan chita² kita, ia-itu hendak menjagakan keselamatan negara kita dan hendak memperbaiki ekonomi kita.

Dari segi ekonomi pula, dengan adanya Maphilindo yang terkandung di-dalam-nya 150 juta ra'ayat, maka satu pasaran yang paling besar dapat di-adakan bagi tiga buah negeri ini, bagi tiga buah negara ini, dan dengan yang demikian berjaya-lah apa² juga susunan ekonomi, atau ranchangan ekonomi dalam segi perindustrian, dan lain² lagi yang kita pandang mustahak untuk di-jalankan.

Kita tahu, Indonesia ia-lah tetangga kita yang paling dekat sa-kali. Dan Filipina tidak jauh dari kita, bahkan sangat hampir dengan Sabah. Oleh sebab yang demikian, maka sangat-lah mustahak bagi kita menimbulkan soal ini balek dengan tujuan supaya kita adakan-lah, hidupakan-lah sa-mula soal Maphilindo ini.

Di-dalam soal polisi luar negeri, kita jangan-lah tergopoh-gapah membuat satu keputusan, kerana apabila kita buat satu keputusan yang bergopoh-gapah, harus polisi itu dan langkah dan keputusan itu akan mambawa kepada

perkara yang tidak baik bagi kedu-dokan kita sa-bagai satu negara di-dalam dunia ini. Tengok polisi Kerajaan Australia. Di-dalam masa konfrantasi kita dengan Indonesia, walau pun Kerajaan Australia telah menghantar tentera-nya untuk menyokong kita di-dalam medan peperangan, tetapi sa-balek-nya pula Kerajaan Australia memberi barang² pertolongan kepada Indonesia pada masa yang tersebut yang berharga berjuta² ringgit banyak-nya. Ini menunjukkan *flexibility*, ia-itu satu polisi yang dapat di-halakan untuk kebaikan negara mereka.

Kalau Australia memikirkan bahawasa Indonesia ia-lah satu negara yang paling besar, yang jadi tetangga-nya, yang mempunyai 150 juta penduduk-nya, dan dengan yang demikian, tidak-lah boleh bagi Kerajaan Australia membuat satu polisi yang menyinggong, atau pun menyentuh kedudukan Indonesia. Maka sebab itu-lah di-adakan polisi, pada masa Kerajaan Australia menolong kita, pada masa itu juga Kerajaan Australia menolong Kerajaan Indonesia. Ini ia-lah satu polisi yang sangat² baik bagi satu negara, lebeh lagi negara muda sa-bagaimana negara kita sekarang. Dan pula dengan terdiri-nya Maphilindo, maka soal Kominis tidak timbul lagi, kerana dengan ra'ayat yang sa-banyak 150 juta ini dapat-lah kita memperkokohkan kedudukan kita untuk menentang kominis dengan sa-habis²-nya. Dan saya yakin dan perchaya, bahawasa kominis tidak dapat lagi menapak di-dalam tiga negeri ini, sa-kira-nya kita telah di-chantum di-bawah bendera Maphilindo.

Yang Kedua, perubahan polisi luar negeri ia-lah bersangkut paut dengan tujuan Kerajaan hendak mengadakan perhubungan yang baik dengan Russia. Saya suka-lah menerangkan sedikit diatas perkara ini, sungguh pun Russia pada lahir-nya menunjukkan sikap yang baharu, ia-lah suka hendak bersahabat dengan kita, tetapi di-sini suka-lah kita bertanya, ada-lah Russia telah menchampakkan sa-buah polisi international Kominis itu, untuk hendak di-jadikan sakalian negara² di-dalam dunia ini sa-bagai negara yang berpegang kepada dasar Kominis? Ada-kah

Kerajaan Russia telah champak sa-belah polisi-nya itu? Tentu-lah jawab-nya tidak, bahkan Kerajaan Russia tidak sa-kali² menchampakkan sa-belah polisi international Kominism, bahkan harus di-dalam polisi²-nya yang baharu yang pada lahir-nya nampak-nya untuk suka hendak bersahabat dengan negara² kechil saperti negara kita, tetapi sa-balek tirai itu harus mereka itu bersiap sedia untuk hendak melancarkan serangan² mereka itu yang paling dahshat yang lebeh dahshat lagi untuk menjayakan dan menchapaikan chita² Kominis antara bangsa itu.

Dan juga persahabatan kita di-dalam baik ini harus akan di-berikan nafas yang baru kepada Chin Peng. Kita tahu Chin Peng maseh ada di-antara kita, dan pergerakan-nya maseh berjalan dan beratus² daripada pengikut²-nya maseh ada lagi di-sempadan di-sana. Sa-kira-nya Kerajaan mengadakan perhubungan yang erat dengan Russia, harus Chin Peng mendapat galakan. Dengan yang demikian, akan menimbulkan porak peranda dan huru hara di-dalam negeri kita, yang kita telah mengalami sa-lama dua belas tahun dahulu. Oleh sebab yang demikian, suka-lah, dan saya minta-lah kepada Kerajaan berjaga²-lah sadikit di-dalam perkara ini kerana jangan-lah keputusan yang terburu² itu akan menda-tangkan satu perkara yang tidak di-ingini oleh Kerajaan sendiri.

Sekarang saya menyentoh sadikit di-muka 261, Perbelanjaan Urusan Haji yang sa-banyak \$47,400. Tuan Pengerusi, saya mendapat rayu hal dan sungutan² daripada orang² yang balek daripada haji pada tahun yang lepas. Sa-tengah daripada rungutan dan sungutan mereka itu ia-lah berkenaan dengan makanan yang di-beri kepada penumpang² yang duduk di-dalam *cabin* atau kelas satu. Mereka itu berkata, bahawasa makanan² mereka itu di-masak di-dalam periok² belanga yang di-dalam periok belanga itu-lah juga di-masak daging² babi dan lain² lagi, yang ia-lah di-pandang oleh umat Islam sa-bagai satu perkara yang tidak baik. Perkara ini bukan sahaja-lah sungutan yang saya dengar daripada sa-orang

atau dua, bahkan daripada dua belas, tiga belas orang yang saya dengar sungutan itu. Oleh sebab yang demikian, saya pinta-lah kepada Pengawal Urusan Haji ini menyelideki di-atas perkara ini kerana kita tahu orang² kita yang pergi haji itu yang membelanjakan beribu² ringgit banyak-nya ada-lah dengan tujuan untuk hendak menunaikan fardzu haji ia-itu satu rukun yang ke-lima di-dalam ugama Islam kita yang sangat² mulia itu.

Jadi, sa-kira-nya di-dalam perjalanan mereka itu hendak menunaikan rukun haji yang ke-lima ini ada perkara² yang menyentoh keperchayaan mereka itu dari segi makanan atau pun lain² lagi, maka perkara ini sangat-lah akan menyedehkan hati kita. Oleh sebab yang demikian saya pinta-lah kepada Pengawal Urusan Haji ini menyelideki perkara ini dan sa-kira-nya betul perkara ini telah berlaku, harap-lah tindakan akan di-ambil supaya perkara ini tidak berulang.

Demikian juga di-atas perkara kesihatan orang² haji kelas tiga. Mereka itu bersungut bahawasa tempat² duduk mereka itu di-dalam kapal tidak mempunyai angin yang chukup. Bahkan mereka itu duduk sa-olah²-nya di-dalam periok yang hangat dan panas tidak mempunyai angin, dan akibat-nya banyak daripada mereka itu yang telah mendapat penyakit dan bermacam². Ini ia-lah satu sungutan. Saya tidak tahu sa-takat mana betul-nya dan benar-nya, tetapi saya pinta kepada Pengawal Urusan Haji mengkaji juga di-atas soal ini kerana kita tahu bahawasa banyak-lah daripada orang² haji ini yang terkandung daripada orang² tua dan ibu yang tua². Jika ada sa-kira-nya betul bagaimana yang telah disungutkan itu maka sangat-lah baik dan mustahak bagi Pengawal Haji ini memperbaiki keadaan ini.

Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail (Perlis Selatan): Tuan Pengerusi, saya bangun mengalu²kan Anggaran Belanjawan bagi Kementerian Luar Negeri yang sa-banyak \$14,646,022. Ini nyata-lah bagi tahun 1967 ini ada-lah lebeh banyak daripada tahun 1966. Sa-bagai mana yang tersebut di-Kepala S. 20

daripada muka 231 hingga 259 terbukti-lah bahawa Malaysia, walau pun sa-bagai sa-buah negara muda, tetapi memandang kapada perkembangan dasar luar-nya Malaysia kita di-kalangan dunia Antara Bangsa kita amat-lah berbangga di-atas perkhid-matan kita, kerana keamanan dunia, dengan kebijaksanaan kita, Malaysia telah menamatkan konfrontasi dengan Indonesia, memulehkan sa-mula perhu-bongan diplomatik dengan Pakistan dan sekarang kita berchita² hendak mengadakan perhubungan diplomatik dengan USSR. Rasa saya ini ada-lah satu kejayaan yang besar di-dalam per-laksanaan dasar luar Malaysia yang bebas itu. Walau bagaimana pun mari-lah kita berharap sa-muga Malay-sia dapat memainkan peranan yang lebeh penting terhadap keamanan ter-utama sa-kali di-dalam Asia Tenggara di-dalam melaksanakan perdamaian di-dalam peperangan Vietnam. Kita perchaya Malaysia akan dapat memain-kan peranan yang tersebut sa-bagai-mana yang telah di-chita² oleh Yang Teramat Mulia Tengku Perdana Men-teri.

Tuan Pengerusi, menyentoh soal per-lantekan Duta² Malaysia di-Luar Negeri, kita telah bersama² melihat bahawa perubahan² yang baru yang sedang di-laksanakan oleh Kementerian Luar Negeri, ia-itu dengan memberi peluang kapada pegawai² MCS supaya mereka itu dapat memegang jawatan² yang penting² terutama sa-kali sa-bagai Ambassador atau Duta. Bagi saya, Tuan Pengerusi, saya memandang ba-hawa perubahan ini patut-lah kita semak balek sa-mula kerana di-dalam negara kita, sa-bagaimana kita ber-sama² mengetahui bahawa dasar² luar polisi dan sa-bagai-nya ada-lah di-kuasa² oleh parti politik. Jadi, oleh sebab itu saya memikir bahawa lan-tekan Duta² Besar kita di-luar negeri harus-lah kita beri keutamaan kapada *top politicians* atau kapada ahli² politik yang terkemuka. Oleh kerana dengan kita lantek, kita beri peluang ini kapada ahli² yang terkemuka, maka kita akan dapati di-mana yang akan datang banyak daripada pemuda² kita daripada *intellectual* yang suka mengambil bahagian di-dalam kemajuan politik

di-tanah ayer kita ini. Kalau mereka itu mempunyai harapan yang besar um-pama-nya pada satu hari dia kata, aku boleh jadi Duta. Jadi, ini-lah satu pelu-ang yang saya fikir kalau kita berikan jawatan atau kita lantekkan Duta² Besar kita di-luar negeri itu dengan *top politicians*, maka ini akan dapat bahawa yang ahli² politik kita tidak-lah banyak menganggor. Jadi, dengan kea-daan ini, saya merayu-lah jika boleh-nya bahawa sa-bagaimana saya sebut tadi akan dapat di-isikan, ia-itu Duta² kita di-luar negeri daripada ahli² dari-pada *top politicians*.

Menyentoh saya di-muka 259, Peja-bat Kebangsaan Malaysia bagi Pertu-bohan ASA. Maka sudah tentu-lah ini akan menetaskan satu jalan bahawa masa yang akan datang ASA akan dapat memainkan peranan yang pen-ting bagi menyatu padukan negara² di-Asia Tenggara sa-bagaimana yang telah di-ucapkan oleh rakan² saya baru sa-kejap ini. Dan bagitu juga ASA akan dapat menjadi satu benteng per-tahanan bagi ka-maraan kominis. Walau pun sekarang ini banyak kegiatan² sedang di-usahkan bagi mengeratkan perhubungan ekonomi, kebudayaan, di-antara negara² tetangga ia-itu di-Asia Tenggara, tetapi saya rasa, Tuan Pengerusi, ada satu perkara yang pen-ting yang harus di-titek beratkan oleh pertubohan ASA pada masa sekarang ini sa-bagai permulaan walau pun ada orang sedang menjalankan, tetapi saya harap-lah supaya ASA dapat di-tuboh-kan supaya Pusat Kajian Tinggi di-dalam lapangan ekonomi, sains, kebuda-yaan dan perubatan dapat di-adakan. Jadi, dengan dapat kita menubuhkan pusat yang tersebut, maka dapat-lah penuntut² atau ahli² cherdek pandai daripada tiga buah negara ini bercham-por gaul, dan dengan chara yang demikian, lama-kelamaan dapat-lah kita sama² memahami akan kehendak² daripada negara² saperti Malaysia, Philipina dan Thailand. Jadi, dengan kita adakan satu pusat yang tersebut, maka akan mempunyai satu harapan yang besar bagi masa yang akan datang bahawa ASA ini akan dapat pembukti-kan satu chontoh yang baik sa-kali bagi negara² di-Tenggara Asia ini mem-buat satu tauladan.

Tuan Pengerusi, menyentuh saya berkenaan dengan hal ehwal haji, banyaklah rakan² saya telah berchakap dalam perkara ini dan saya pun pada beberapa tahun lama-nya telah juga pernah menjadi salah sa-orang daripada Jema'ah Penasihat Lembaga Haji, tetapi saya memikirkan memandangkan kapada perkembangan yang ada pada hari ini, perkembangan Malaysia yang ada pada hari ini, maka sudah sepatut-lah bahawa berkenaan dengan hal ehwal haji ini di-kaji balek semula dan di-susun supaya dapat jabatan ini memainkan peranan yang lebeh chergas lagi bagi masa yang akan datang untuk kepentingan jema'ah² haji, dan saya fikir oleh kerana negara kita sa-buah negeri Islam telah menjadikan ugama rasmi, ini saya rasa sangat-lah mustahak kita buktikan kapada dunia yang bahawa kita sa-benar²-nya sa-buah negara yang mengamalkan Islam sa-bagai dasar democracy. Saya rasa sudah sa-patut-nyalah, berkenaan dengan hal haji ini, kita lantek sa-orang Menteri yang dinamakan Menteri Hal-Ehwal Jema'ah² Haji. Kalau di-masa² Kerajaan Islam yang telah lalu di-panggilkan Amirul Hujat. In saya rasa sangat-lah mustahak, tetapi Menteri ini, Tuan Pengerusi, sa-bagai suka rela sahaja (*Ketawa*).

Tidak mengambil wang yang bagitu banyak Menteri Kehormat, kerana saya rasa kalau dapat kita menubuhkan, mengadakan sa-orang Menteri, maka Menteri ini dapat memainkan peranan yang penting sa-kali di-masa orang² haji berada di-Mekah. Sekarang kita lantek sa-orang Pesurohjaya Haji, tetapi saya tidak mahu-lah hendak sebutkan sini, Tuan Pengerusi, dalam lapangan kerja² yang telah dijalankan oleh sa-orang Pesurohjaya Haji tadi, kerana banyak daripada rakan² saya yang telah berchakap juga berkenaan dengan Pesurohjaya Haji itu dan sa-balek-nya kalau kita lantek saperti mana saya katakan tadi sa-orang Menteri Hal-Ehwal Haji, tentu-lah ada lebeh berkesan dan memberi satu pandangan atau gambaran yang besar kapada dunia bahawa Malaysia sa-benar-nya ada-lah sa-buah negara

yang menjadikan ugama Islam sa-bagai ugama rasmi.

Berkenaan dengan Tabong Haji, bagaimana yang telah di-chakapkan oleh rakan² saya, saya rasa Tabong Haji ini, kalau kita kemaskan sa-benar²-nya badan ini, kita hendak beli kapal, saya ingat ta' susah, Tuan Pengerusi. Kerajaan apa, saya berkata bagitu? Sa-orang rakan saya daripada Seberang Prai telah berchakap bahawa pada tiap² musim kita membelanjakan lebeh kurang \$12 juta kerana perbelanjaan naik haji, tetapi kalau kita adakan satu badan yang sempurna dan kita adakan satu peratoran, tiap² sa-orang yang hendak naik haji, dia terlebeh dahulu, sa-tahun lebeh dahulu hendak-lah dia menyimpan sa-tengah daripada wang-nya yang dia akan di-buat belanja naik haji pada tahun yang akan datang. Jadi, ma'ana-nya kalau sa-tahun lebeh dahulu dia menyimpan, berma'ana daripada \$12 juta tadi, ada \$6 million, daripada \$6 million tadi kita masokkan Fixed Deposit 7% maka di-sini, Tuan Pengerusi, berapa banyak kita telah dapat wang dan daripada Fixed Deposit keuntungan itu tadi dapat kita menjadikan satu modal untuk membeli kapal. Ini satu perkara yang chukup senang, tetapi kita berharap supaya dapat kita kemaskan, dapat kita adakan perubahan² yang baharu, tetapi kalau perubahan yang sa-macham sekarang ini, barangkali sampai kucing bertandok pun kita tidak dapat membeli kapal.

Jadi, itu-lah rayuan saya dan harapan saya terutama sa-kali kapada Kementerian Hal-Ehwal Luar Negeri ini supaya dapat-lah sama² kita memikirkan bagaimana dapat kita memperbaiki lagi keadaan² jema'ah haji kita bagi masa yang akan datang, kerana perkembangan kita pada hari ini hendak-lah kita sesuaikan dengan keadaan² kita dan dengan itu, saya rasa tidak-lah lagi timbul rungutan² ta'puas hati dan bermacham² yang telah di-sebutkan oleh rakan² saya di-dalam Dewan baharu sa-kejap ini. Jadi, sekian-lah terima kaseh.

Tuan Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji (Pasir Mas Hulu): Tuan Pengerusi, saya suka mengambil bahagian dalam Kementerian ini dan terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian dan yang telah menyediakan dan telah menyelesaikan masalah jema'ah² haji yang bertolak dari Pantai Timor, khususnya dalam negeri Kelantan, dalam masa negeri itu mengalami banjir baharu² ini. Khas juga terima kasih saya kepada Pengawal Urusan Haji di Pulau Pinang, kerana dapat menyelenggarakan kesemua sa-kali jema'ah² haji daripada negeri itu tidak ada yang tertinggal.

Tuan Pengerusi, berchakap dalam masalah Kementerian Luar Negeri ini suka-lah saya menarik perhatian di-Dewan ini kepada ucapan² sa-tengah² pemimpin luar negeri yang di-tujukan kepada negeri ini dan sa-hingga masa ini pun tidak pernah di-ambil apa² tindakan oleh Kerajaan, atau Kementerian kita ini. Mithal-nya, Tun Thanat Khoman, Menteri Luar, Thailand, pernah membuat ucapan meminta orang² Siam dalam negeri Kelantan supaya menuntut hak²-nya untuk mendapatkan tanah dalam negeri itu.

Tuan Pengerusi, sa-lama ini sudah berketurunan lama-nya orang² Siam yang tinggal di-Kelantan itu mensifatkan diri mereka sa-bagai ra'ayat Malaysia. Mereka hidup sa-bagai orang² Melayu di-Kelantan, mereka bersekolah atau menghantar anak² mereka ka-sekolah Melayu—sekolah kebangsaan. Mereka hidup dan tidak ada perbendzaan, kalau sa-kali kita tengok sama ada mereka itu Melayu, atau pun Siam. Bagitu-lah chara-nya kehidupan mereka sama dengan orang² Melayu di-Kelantan, tetapi malang-nya apabila Menteri Luar Thailand ini membuat ucapan yang sa-bagitu, lantas di-panggil-nya Consul Thailand yang ada di-Kota Bharu itu dan diberikan arahan supaya menuntut hak² bagi orang² Siam di-dalam negeri Kelantan ini. Ini ada-lah satu champor tangan oleh sa-buah kuasa luar dalam negeri Malaysia ini yang terang telah menchabul kehormatan negara kita

ini dan sa-hingga masa ini maseh Kerajaan mendiamkan diri.

Tuan Pengerusi, ucapan Menteri Luar Thailand yang kedua, ia-lah dalam masa kita berkehendakkan chita² Maphilindo ini di-wujudkan, dalam masa Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj, Perdana Menteri Malaysia ini telah menurunkan tandatangan di-Manila untuk mewujudkan sa-buah negara Maphilindo, Menteri Luar Thailand ini mengeluarkan satu kenyataan di-akhbar mengatakan chita² Maphilindo ini ia-lah satu chita² perkauman yang basi yang tidak patut di-wujudkan. Saya tidak tahu apa-kah ada hak-nya Menteri Luar Thailand ini mencham-pori urusan² orang lain, dan Kementerian atau pun Kerajaan ini sa-hingga masa ini pun tidak pernah mengambil apa² tindakan, atau pun meminta Kerajaan Thailand supaya bertanggung-jawab jangan mencham-pori urusan dalam negeri ini.

Tuan Pengerusi, sa-bagaimana yang telah di-ucapkan oleh rakan² saya dari Kelantan Hilir dan Bachok, saya juga suka menyentuh dalam masalah Maphilindo ini. Chita² Maphilindo ini sudah lama di-perjuangkan walau pun dengan nama yang lain, tetapi sekarang di-wujudkan dengan nama Maphilindo, sa-belum perang lagi chita² Maphilindo ini sudah di-perjuangkan oleh golongan orang² dalam Tanah Melayu ini di-Indonesia dan di-Philipina. Ketiga² kita ini satu bangsa, sa-keluarga—Philipina, Indonesia dan Malaysia. Kita ini berkeluarga, bersaudara, tetapi malang-nya, Tuan Pengerusi, kita ini telah di-jajah, kita telah berbakap tiri, kita berbakap tirikan British, Indonesia berbakap tirikan Belanda dan Philipina berbakap tirikan Sepanyol dan akhirnya Amerika. Sekarang kita sudah dewasa, bapak² tiri itu telah meninggal-kan kita. Kita bertanya di-mana-kah lagi adek-beradek kerana aku mahu bersatu, sudah lama aku di-cherai-kan, sudah lama aku di-pisah²kan oleh bapak² tiri—penjajah ini. Sekarang kita mahu bersatu, mahu bersatu sa-bagai sejarah datok nenek moyang kita yang bersatu; ini-lah chita² kita dan ini-lah chita² yang di-perjuangkan oleh kita

dan telah pun di-setujui oleh Kerajaan Malaysia ini sendiri sa-hingga di-turunnya tandatangan Perjanjian Manila, tetapi, Tuan Pengerusi, oleh kerana penjajah di-Malaysia ini telah pergi tetapi malang-nya di-tinggalkan anak² tiri pula di-Malaysia ini yang menyebabkan kita ini menjadi duri dalam daging. Anak² tiri ini-lah yang tidak senang melihat kita ini berbaik dengan adek-beradek kita. Anak² tiri ini tidak senang melihat kita ini berbaik dengan abang kita di-Indonesia dan adek² kita di-Philipina. Anak² tiri ini-lah yang senentiasa memporak purandakan dan kerana urusan atau pun tekanan anak² tiri ini-lah maka chita² Maphilindo yang murni itu terpaksa di-korbankan walau pun belum lahir, dan anak² tiri penjajah ini ada dalam Perikatan sendiri.

Tuan Pengerusi, chita² Maphilindo ini-lah satu chita² murni untuk kebaikan generation kita yang akan datang, untuk kebaikan anak² tiri kita, anak chuchu chichit kita, hanya-lah dengan Maphilindo. Ya, boleh jadi ada orang akan mengatakan chita² ini perkauman. Memang betul. Apa salah-nya chita² ini perkauman kalau-lah kerana hendak memperjuangkan chita², hendak memperjuangkan nasib bangsa kami ini perkauman, ayoh, kita terima gelaran perkauman itu, biar-lah anak chuchu chichit kita memberikan hukum apakah yang di-buat oleh datok nenek mereka. Bagi sa-tengah² orang mereka akan mengatakan kita ini lebeh dari perkauman, kerana kita hendak memperjuangkan hak kita sa-bagai tuan, atau pun hak kita sa-bagai tuan punya negeri ini dan kita hendak menyerahkan balek kepada anak chuchu chichit kita dan chita² yang murni ini-lah diperkaumkan oleh sa-tengah² gulongan. Saya dengan berasa bangga dan saya menerima gelaran perkauman ini asalkan anak² chuchu chichit saya tidak mengatakan saya ini pengkhianat kepada mereka.

Tuan Pengerusi, kita merasa terkejut dalam Dewan ini, kerana chita² daripada sa-tengah saudara² dari bangku Kerajaan yang meminta supaya kita mengadakan perhubungan atau pun menubuhkan sa-buah Consol di-Peking, di-China Komunis. Kalau dahulu,

kalau-lah parti Pembangkang ini yang membawa usul supaya mengakui negara² komunis ini, pernah Timbalan Perdana Menteri sendiri mengatakan kiblat PAS ini Moscow atau Peking kerana kita meminta supaya semua negara² itu di-akui jangan ada negara yang kita tidak akui, tetapi sekarang Ahli dari Perikatan sendiri menandatangani kita ini hendak-lah menubuhkan sa-buah Consul di-Peking, di-China Komunis, konon-nya untuk menjadi mata dan telinga.

Tuan Pengerusi, sudah menjadi tabiat kita, mana negara yang berbaik dengan kita itu-lah yang menjadi sahabat kita. Sekarang banyak benar saudara² dari sa-belah sana berchakap menghentam Kerajaan British, menghentak Kerajaan Amerika kerana kebetulan British tidak mahu memberi bantuan, dan kerana kebetulan Amerika boleh memberi bantuan tetapi dengan mengenakan bunga yang banyak, oleh kerana kedua² sebab ini lantaran kita memukul Britain dan Amerika, dan sekarang Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri mengatakan kita akan berbaik dengan Moscow, dengan Russia, dan hari ini kita mendengarkan pula chadangan supaya kita ini mengadakan perhubungan atau menubuhkan Consul di-China Komunis dan di-sokong oleh sa-orang kawan-nya.

Tuan Pengerusi, apa yang berlaku di-Indonesia hendak-lah menjadi pelajaran bagi kita. Apabila kita menubuhkan sa-buah Consul negara Malaysia ini di-Peking, sudah tentu negara itu juga akan menubuhkan Consul-nya di-Malaysia. Saya maseh teringat ucapan yang di-lafadzkan oleh Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri ada satu puak dalam Malaysia ini yang kaki-nya sa-belah ta'at setia di-Taiwan dan sa-belah kaki-nya lagi ta'at setia di-Tanah Besar—Mainland China. Sa-orang manusia ini ada dua kaki kalau sudah sa-belah di-Taiwan dan sa-belah lagi di-China mana lagi yang di-Malaysia. Dan saya menggunakan ucapan Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri ini mengatakan

Tuan Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Dapat-kah Ahli Yang Berhormat itu membenarkan kenyataan

bahawa kita sekarang ada membuat perhubungan perdagangan dengan China Komunis. Jadi, maksud Ahli Yang Berhormat daripada Kuala Trengganu Utara dan saya sokong bagi memudahkan perniagaan itu-lah menurut pandangan kita supaya di-adakan Consul itu sa-bagaimana kita adakan di-Taipeh.

Tuan Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Tuan Pengerusi, dalam masa-alah perhubungan Consul ini, apa yang di-ucapkan oleh wakil daripada Kuala Trengganu Utara ia-lah masaalah perniagaan. Tetap sudah tentu apabila sa-buah Consul di-tubuhkan akan dilakukan berbagai² chara dalam-nya itu, politik-nya, perniagaan-nya, kebudayaan-nya dan sa-bagai-nya. Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri telah mengatakan saperti yang telah saya katakan, ia-itu sa-belah kaki-nya di-Taiwan dan sa-belah kaki-nya di-Mainland China. Apa yang berlaku di-Indonesia hendak-lah menjadi pelajaran bagi kita.

Tuan Pengerusi, di-Indonesia telah berlaku satu pemberontakan yang baharu² ini pada bulan Oktober 1965 walau pun sa-belum daripada itu telah berlaku pemberontakan Madion dan lain²-nya, bagaimana usaha pehak komunis ini hendak mena'alok Indonesia dengan perantaraan Kedutaan China Komunis yang ada di-negeri Indonesia itu, segala alat² senjata di-sampaikan, wang ringgit di-berikan dan latehan² yang berguna, dan tidak dapat kita nafikan pernah di-ucapkan oleh Menteri Luar Indonesia, Tuan Adam Malik, ada sa-golongan ra'ayat ada sa-golongan kaum di-Indonesia ini yang memainkan peranan penting dalam memberikan sokongan terhadap pemberontakan yang di-lakukan oleh kaum Kominis pada bulan Oktober tahun 1965 itu, dan kita faham siapa golongan yang terpenting itu.

Tuan Pengerusi, di-Indonesia Kominis infiltrate, dia memasokkan orang² kominis ka-dalam semua lapangan. Dalam lapangan akhbar, tentera, pelajaran dan radio, sa-hingga tidak ada lagi lapangan yang tidak ada orang² kominis. Oleh kerana memikirkan orang² kominis ini sudah chukup kuat,

maka di-ishtiharkan-lah pemberontakan dan berlaku-lah pemberontakan yang menyebabkan 6 orang Jeneral terpaksa ka-Lubang Buaya. Tuan Pengerusi, tidak berjaya-nya kominis di-Indonesia itu bukan kominis tidak kuat, tetapi tidak berjaya-nya kominis di-Indonesia itu kerana maseh ada Nasution atau pun General Suharto atau pun tentera Siliwangi yang patoh kapada Nasution ini. Kalau-lah tidak ada mereka ini, sejarah Indonesia itu telah sudah berlain, boleh jadi President Indonesia sekarang ini Aidit atau tanah Indonesia itu sudah termasuk dalam wilayah Mainland China. Itu berlaku di-Indonesia.

Sekarang pemberontakan kominis berlaku di-Vietnam. Ya! Tentera Amerika telah memberi bantuan yang sa-chukup lebeh kurang 400,000 tentera Amerika sekarang berjuang memberikan pertolongan kapada ra'ayat Vietnam. Kita tidak tahu siapa yang akan menang dan tiap² yang lawan in mungkin Vietcong akan menang dan mungkin pehak Amerika yang akan menang. Apa akan jadi, Tuan Pengerusi, ketika Malaysia ini ada Konsul-nya di-Tanah Besar China dan ketika itu pula China Kominis ada Konsul-nya di-Malaysia ini, Vietnam jatuh dalam peperangan, Amerika terpaksa, oleh kerana sa-suatu sebab, meninggalkan Vietnam itu. Pada masa itu Vietnam akan dapat di-ta'alok oleh kominis. Kita sudah tahu Thailand pernah menunjukkan sejarah, dia pernah membenarkan askar Jepun lalu untuk mena'alokkan Malaysia ini. Apa akan jadi ketika itu, apabila tentera kominis sudah sampai di-sempadan Siam.

Tuan Pengerusi, di-Malaysia ini ada 3 juta orang yang sa-darah sa-daging dengan orang² di-Tanah Besar China. Panggilan darah ini sentiasa memanggil. Kita maseh ingat apabila China Kominis memechahkan atomic bomb-nya yang pertama, China² di-Malaysia ini bertepok tangan gembira. Ini-lah masaalah yang akan timbul. 3 juta orang di-Malaysia ini sa-belah kaki-nya di-Taiwan dan sa-belah kaki-nya di-Tanah Besar China—saya tidak kata—Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman yang mengata. Tuan Pengerusi, dalam masaalah

Tuan Kam Woon Wah (Sitiawan): *Rises.*

Tuan Abdul Samad: Saya tidak beri jalan. Tuan Pengerusi, ini akan terjadi kepada Malaysia ini

Tuan Kam Woon Wah: Is the Honourable Member trying to tell us the history

Tuan Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Is it on a point of order, Sir?

Mr Chairman: Sa-olah² dia menegor itu jangan-lah banyak bahathan daripada China ini dan perkara² yang lain, tumpukan-lah kepada Kementerian Luar Negeri ini dan ambil-lah berkenaan dengan Kementerian ini sahaja, banyak benar arah kepada yang lain.

Tuan Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Terima kaseh, Tuan Pengerusi, ada-kah Yang Berhormat itu merasa sakit telinga-nya bila saya berchakap macham itu, atau ada-kah betul chita² ini ada dalam hati perut dia?

Mr Chairman: Sambong-lah.

Tuan Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Kalau tidak takut apa susah, biar-lah saya chakap. Kalau ada fikiran macham itu patut-lah dia itu merasa tidak sedap duduk.

Tuan Pengerusi, ini-lah usaha² yang akan terjadi, dan masaalah yang akan menghadapi Malaysia ini—Malaysia yang kita puja, Malaysia yang menjadi tanah ayer kita, tempat kita hidup dan tempat kita akan mati.

Tuan Pengerusi, bagi sa-tengah² orang dia menghentam kominis seperti pernah di-ucapkan oleh Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri, kita benchi kominis kerana peperangan-nya, kekerasan-nya, tetapi kita tidak benchi kominis dari segi ideology-nya. Bagi kita, PAS, kominis ini musuh sama ada ideology-nya atau pun kekerasan-nya. Kapada Islam kominis ini tidak wujud, dia wajib di-perangi, kalau di-darat-lah dia kita perang dia di-darat, kalau di-laut dia peperangan itu akan berlaku di-laut. Ini-lah komi-

nis. Tetapi malang sunggoh, Tuan Pengerusi, kominis ini-lah yang sekarang telah di-ucapkan oleh Tunku Perdana Menteri mengatakan kominis Russia itu baik dan apabila Tunku mengatakan kominis Russia ini baik, maka ada lagi orang yang mengatakan kita patut membuat perhubungan dengan China Komunis kerana hendak survival. Orang² macham ini bila kominis yang memerintah Tanah Melayu kita akan kata macham mana sekarang kita kominis telah memerintah negeri kita? Orang² ini akan menjawab, “apa hendak buat kominis hendak memerintah—perintah-lah”. Ini-lah jawapan orang itu yang akan berikan. Macham mana sekarang kalau kita tanya awak macham ini? Dia orang kata, apa hendak buat, sudah ramai. Ini-lah jawapan yang akan diberi, Tuan Pengerusi. Dan orang² ini sanggup di-perdagangkan diri-nya untuk kepentingan sa-buah negara lain.

Saya berchakap ini, Tuan Pengerusi, mungkin pada hari ini Ahli² Yang Berhormat akan mengatakan tidak betul, karut atau pun satu impian yang tidak akan menjadi kenyataan, tetapi sejarah akan membuktikan—sejarah akan membuktikan Malaysia ini akan jadi bagaimana tiap² patah perkataan yang kita ucapkan akan terchatit dalam sejarah Dewan ini dan biar-lah sejarah itu akan di-simpan dan anak chuchu chichit kemudian akan membachanya. Sekian, terima kaseh.

Tuan Pengerusi: Meshuarat ini ditanggohkan sa-lama 15 minit.

Sitting suspended at 5.35 p.m.

Sitting resumed at 5.50 p.m.

(Mr Deputy Speaker in the Chair)

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

Debate resumed.

Tuan C. V. Devan Nair (Bungsar): Mr Chairman, Sir, all that I have to say under Head S. 20 might be subsumed under the very first item on page 231, the Minister of Foreign Affairs. This House is not lacking in theoreticians on foreign policy, who come out

with the most alarming theories about what the objectives of our foreign policy should be, and as things have transpired this Chamber is also not lacking in people who take an opportunistic attitude in matters of foreign policy. The alarming theoreticians are those who revive outmoded concepts like Maphilindo; the Machiavellians are those who get up in the House and suggest, "Well, the monolithic Sino-Soviet empire is cracking up; so, why not like Machiavellis, rather immature Machiavellis, make use of it, play one side against the other? Normally, people of a opportunistic turn of mind take care that they are intelligent to hide their opportunism. But here we have, in this illustrious Chamber, people publicly suggesting it—and this I assume is going to be reported not only in our *Hansard* but for general consumption both nationally and internationally. I would suggest, Sir, in all seriousness that the basic goals of our foreign policy have to be based on a very sober and realistic assessment of the facts in life in the modern world and of Malaysia's position as a small nation in a world in which power is more and more polarised between the big ones. Malaysia, as a small nation, in these circumstances, cannot afford vast and grandiose illusions of power and domination. Such illusions can only lead us into very serious trouble. As a small nation, we are the victims largely of forces and circumstances very much beyond our own control and that goes even for economics. The prices of our primary commodities are at the mercy of international fluctuations, and internationally too, as a very small nation having to exist in a world in which the real power is being polarised between the two big powers, I would suggest that the sensible and the intelligent approach would be to see how do we survive as a sovereign, independent, small nation, how do we react to problems which are thrown before this nation by international developments. As a small country our major concern must be to preserve our own independence and to get on well with everybody, get rid of any vain glorious illusions about power or

grandeur in this part of the world, or any part of the world. Our capacity to influence universal events is extremely limited, and I say our foreign policy starts off on that basis—that we want to achieve and to maintain as many friends as possible, those who are able to treat us with goodwill. Once that principle is accepted, then we can proceed to adjust our relations on the basis of people, who are the powers, major powers or small powers, which alignment of powers should we be closer; and once that is done, I would suggest that most of our foreign policy difficulties would fade away. I am still surprised that obsolete dangerous ideas like Maphilindo, which we had hoped that the Honourable Prime Minister had said the last word on, should be still revived, in this Chamber.

Sir, the world is moving closer and closer, and away from atavistic, racist concepts of human, social and political organisations, and what is very much in the air are concepts of economic regional co-operation. This our Government has said that it is set out to do—to translate this concept into practice by ASA, but ASA remains very much a platitudinous abstraction and not yet a reality. The moment anywhere in this world, which is growing smaller everyday, in this shrinking world, once a nation or a group of nations begin to think in terms of the Whites unite, or the Yellows unite, or the Blacks unite, then I say that we would be asking for real trouble; we would be working against the forces and against the tides of history, and the tide of history is definitely against people, who think in terms of racist concepts. The moment in our multi-racial nation, one group, one community, says: "Malays of Southeast Asia unite", then you cannot prevent others (Chinese) from saying: "Let all members of the great Han race unite", and Indians saying: "Let us unite with the land of Shiva and Vishnu and Krishna". Once that happens, Sir, there is no Malaysia. This country ought to be an example to the whole world of multi-racial co-operation, accommodation, tolerance

and if we really achieve that goal, which is what most of us say we want to achieve, if that is our goal, then, I say our foreign policy must reflect this state of affairs in our own country—multi-racial tolerance, accommodation, unity—and that foreign policy would seek unity and bonds, not on the basis of race or religion, but on the basis of seeking bonds with fellow human beings whatever the race, colour, or creed might be. I think, Sir that anyone who brings a modicum of intelligence to bear on this problem must see that Malaysia's future as a multi-racial nation must depend on getting away from racialist concepts of any kind and coming from any quarter, and moving towards broader ideals of human co-operation, not dependent on any narrow and petty notions; and I hope, Sir, that this concept of Maphilindo will die a natural death. It is surprising that it has not died a natural death, in spite of the fact that the Honourable Prime Minister has expressed a very correct and proper attitude.

I have mentioned ASA, Sir, and I think many Malaysians are worried by the fact that it remains very much a theoretical abstraction, a whole lot of platitudes, but the beginnings of economic co-operation on a regional basis have yet to make a good start. Sir, our foreign policy must reflect the state of affairs in this country, the ideals which we stand for in this country, and the image we create abroad must not be different from the reality, and our image which we help to create abroad in the various capitals of the world, in the United Nations, and elsewhere must largely be dependent on sending the right type of people, men of intellect, of calibre, of character, to represent the ideals of this multi-racial nation at international forums.

One of the defects of our foreign policy as I see it, and as many Malaysians see it, is that foreign policy posts are seen as plums for discredited politicians, people for whom you have no use in your own country—and we do not want to mention any individuals. This image of incapacity to select Malaysians of quality, intelligence,

calibre, culture, intellect, this defect is widely acknowledged; and, I think, the Government, if it is honest with itself, must also admit that it could do a better job selecting ambassadors, plenipotentiaries and the like; and it is to be hoped, Sir, that we will get away from the position of regarding forums, appointments to foreign countries, ambassadors and so on, as plums for people for whom we have no more use in this country. It is a distressing experience for Malaysians going abroad to discover that in those capital cities, where we have accredited ambassadors, the ambassadors are more conversant with the nightclubs in that capital city than in the political geography of that place; and it is to be hoped, Sir, that these criticisms will be taken as constructive and that the Government will go all out to improve the image of Malaysia in our embassies abroad and at the United Nations. We are a small nation dependent on the goodwill of the world and, in order to get goodwill and understanding, we must be able to have as our representatives people who are able to communicate the genuineness, frankness, sincerity of Malaysia, and also the genuineness of the multi-racial ideals, ideals of multi-racial co-operation which we stand for. And even though we are a small country, we might still make a contribution towards making sense in a world, which is growing madder every day without being opportunistic. As a small nation, which is unused and unversed in the ways of power and the greeds and the lust for power, we should try to make a contribution towards human happiness on the widest possible scale.

The Assistant Minister of Culture Youth and Sports (Engku Muhsein bin Abdul Kadir): Tuan Pengerusi, mengulung perbahathan di-bawah Kementerian Luar dan Hal Ehwal Haji ini, suka-lah saya menarek perhatian Dewan ini kepada padangan² yang sentiasa di-buat daripada sa-tahun ka-sa-tahun, berkenaan dengan pendirian Kerajaan Perikatan yang berkuasa pada hari ini dalam perkara polisi luar negeri. Apa yang sangat menarek hati saya ialah, sa-bagai sa-orang yang telah duduk dalam Dewan Ra'ayat ini, sama ada

Dewan Ra'ayat atau Senate atau punterutama Majlis Undangan, mula² pilihan raya empat tahun dahulu, ia-lah tiap² kali di-adakan perbahathan dalam perkara hal ehwal luar negeri ini, boleh di-katakan pandangan² yang di-beri ia-lah polisi Kerajaan Perikatan ini tidak tegas, mengekor dan sa-bagai-nya. Tetapi, apa yang menghairankan saya ia-lah pandangan² yang di-beri itu, terutama oleh pehak Pembangkang, boleh di-katakan berubah dari sa-masa ka-samasa.

Bagaimana yang telah di-tegaskan oleh Yang Teramat Mulia Tengku Perdana Menteri dari sa-masa ka-samasa, bahawa pendirian Kerajaan kita ia-lah satu pendirian dasar luar yang tegas yang tidak mengikut kehendak² sa-siap pun dan juga satu dasar luar yang di-dasarkan kepada kepentingan negara kita sendiri. Berdasarkan kepada asas² ini-lah, maka segala tindak-tandok, segala perjalanan² Kerajaan kita dari sa-masa di-jalankan. Dan bagaimana di-ketahui, memang-lah keadaan dunia ini, keadaan politik antara bangsa ini, berubah dari sa-masa ka-samasa. Maka berdasarkan kepada perubahan² itu-lah juga, dengan mengingatkan kepada kepentingan² negara kita sendiri dari sa-masa ka-sa-masa dasar² luar kita ini di-sesuaikan pula.

(*Divisional bell rung; House counted; 26 Members present*).

Engku Mushein bin Abdul Kadir: Ahli² Yang Berhormat telah membangkitkan soal sa-olah²nya polisi luar negeri kita terhadap kominis telah berubah. Padahal-nya jikalau kita mengikut apa yang telah di-buat *statement*², sama ada oleh Yang Teramat Mulia Tengku Perdana Menteri atau pun di-dalam jawapan soaln mulut yang telah di-buat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam Dewan ini beberapa minggu yang lepas, maka sudah terang dan nyata bahawa polisi kita terhadap soal kominis ini tidak berubah. Apa yang menjadi dasar Kerajaan ia-lah bagaimana yang telah di-nyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, ia-itu Kerajaan tidak menentang mana² Kerajaan, baik Russia, baik China, baik Poland, hendak mengamalkan komin-

ism di-dalam negeri masing². Chara mereka hendak mentadbir, hendak memerintah, terpulang-lah kepada negeri masing² menjalankan-nya mengikut apa ism yang mereka kehendak, baik chara Amerika, chara Russia, chara China dan sa-bagai-nya.

Tetapi, kita tidak mahu kominism atau sa-bagai-nya itu di-datangkan kepada negeri kita, oleh kerana telah di-tegaskan ia-itu kominism daripada pengalaman dalam masa *emergency* beberapa tahun yang lalu telah banyak mengadakan *subversive*² dan mempunyai dasar² untuk, dengan chara yang tertentu, menggulingkan pemerintah yang hahal, dan sebab itu-lah pehak kita tidak dapat, bagaimana yang ditanya oleh pehak Ahli daripada Ipoh tadi, menghalalkan *Malayan Communist Party* atau di-tubuhkan di-dalam negeri ini.

Bagaimana dengan, mithal-nya sekarang ini, perubahan dasar konon-nya Kerajaan kita telah berlembut dengan pehak Russia. Suka-lah saya menyatakan ia-itu bagaimana yang telah di-ucapkan oleh Perdana Menteri yang perhubungan kita dengan mana² Kerajaan pun ada-lah di-dasarkan kepada hormat-menghormati antara satu dengan yang lain. Oleh kerana mithal-nya Kerajaan Russia telah menunjukkan dengan chara²nya pada hari ini tidak menchuba menjalankan perkara² yang boleh merosakkan chara pemerintah dan keadaan dalam negeri kita, maka dengan sebab itu-lah maka pandangan kita terhadap Kerajaan tersebut itu tidak bagaimana pandangan kita kepada pemerintahan yang ada di-Peking pada hari ini. Tetapi bukanlah berarti yang kita sudah chenderong kepada pemenrentahan kominis dan sa-bagai-nya.

Yang Berhormat daripada Kuala Trengganu Utara juga memberi pandangan yang di-sokong oleh Yang Berhormat daripada Muar Utara supaya di-tubuhkan satu *Consulate* di-Peking, oleh kerana hendak mengsainbangkan dengan penubohan satu *Consulate* di-Taipéh. Suka-lah saya menarek perhatian, dalam perkara penubohan *Consulate* sa-lain daripada soal perniagaan, juga soal² pelajaran orang yang pergi

datang dari sa-buah negeri ka-sa-buah negeri itu, apa yang kita ketahui pelajar² kita memang-lah tidak ada di-Peking atau Kominis China dan juga tidak ada hubungan lawat-melawat antara negeri itu dengan negara kita.

Sa-lain daripada itu menubuhkan *Consulate* ini hendak-lah kita ingat ia-itu apabila kita menubuhkan *Consulate* di-Pekang bererti-lah juga kita kena *reciprocate* dengan membenarkan mereka itu menubuhkan pula *Consulate* di-Kuala Lumpur ini dan bererti dengan chara itu dengan keadaan² tindakan Parti Kominis atau pun Kerajaan Kominis di-Peking yang maseh mengamalkan chara² *subversive* dan mengguling²kan pemerentahan yang halal, maka memberi peluang kepada mereka itu menjalankan pegawai² yang sa-demikian di-negara kita ini, sebab itu-lah pada masa ini tidak-lah fikiran yang begitu dapat di-terima.

Berkenaan dengan pandangan daripada Yang Berhormat daripada Kuala Trengganu Utara juga ia-itu tidak ada co-ordinisasi antara tiga buah Badan Haji yang berlainan dan minta di-kaji supaya penyusunan hal ehwal haji ini di-buat dengan menubuhkan satu badan pun *corporation* yang bersendirian, maka suka-lah saya hendak mema'alumkan yang pada masa sekarang ini saya di-beritahu memang pehak Kerajaan sedang meneliti untuk mengadakan satu Undang² untuk menubuhkan sa-buah Badan Haji yang berkuasa—*Pilgrimage Statutory Board*—telah pun di-rangkakan dan ini sedang di-kaji dengan teliti-nya oleh Pejabat Peguam Negara. Di-antara ahli² Board ini di-chadangkan akan termasuk-lah juga sa-orang wakil dari Tabong Haji.

Berkenaan dengan pandangan Yang Berhormat daripada Bungsar dan juga daripada Bachok dan beberapa orang lagi ia-itu berkenaan dengan lantekan *Ambassador*² atau *High Commissioner*² yang di-dasarkan, mengikut kata ahli daripada Bungsar tadi, *politician*² yang tidak berguna di-negeri ini lagi, suka-lah saya menarek perhatian perkara ini ia-lah satu tuduhan yang boleh di-katakan melampau dan tidak kena-mengena dan, jika tidak salah-nya Ahli Yang Berhormat daripada Bachok

menyokong pendapat saya ini oleh kerana Yang Berhormat itu waktu beruchap tadi telah memuji Duta kita sa-orang ahli politik daripada negara kita ini yang menjadi Duta di-Philippine sekarang ini. Bahkan beliau, Yang Berhormat daripada Bachok, men-chadangkan supaya Duta ini dapat di-tukarkan dari sa-masa ka-sa-masa di-tempat² lain untuk memberi bimbingan akan chara² yang sa-patut-nya di-jalankan oleh satu² Duta. Ini ia-lah satu kenyataan yang telah di-ucapkan bukan oleh pehak Kerajaan tetapi oleh sa-orang daripada pemimpin Parti Pembangkang yang menunjokkan bahawa Duta² kita yang di-katakan tidak berguna kepada negeri ini oleh Ahli Yang Berhormat dari Bungsar itu ada-lah perkataan yang melampau dan juga dengan itu menunjokkan yang saya tahu ahli daripada Bachok ini sa-orang yang sentiasa banyak membuat soalan, merisik dan sa-bagai-nya telah menunjokkan bahawa tindakan² atau penyerangan yang di-buat oleh Kerajaan dari sa-masa ka-sa-masa melantek Duta² daripada ahli² politik itu ia-lah tanda lantekan yang sa-wajar-nya dan perkara ini juga saya menarek perhatian dan pandangan yang di-beri oleh wakil Perlis Selatan ia-itu meminta supaya Kerajaan jangan melantek pegawai M.C.S. dalam Jawatan² sa-bagai Duta dan *High Commissioners* di-Luar Negeri.

Suka-lah saya menarek perhatian Yang Berhormat ini, yang sa-benar-nya tidak ada lantekan pegawai M.C.S. sa-bagai Duta dan sa-bagai-nya, yang saya tahu ia-lah M.C.S. dan perkhidmatan Luar Negeri telah di-satukan sekarang ini dan mereka itu menjadi sa-bagai *Career Officer* mula² daripada pegawai sa-rendah²nya kepada sa-tinggi²nya ia-itu-lah sa-tinggi²nya sama ada sa-bagai Duta atau pun *High Commissioners* di-samping Duta² atau pun Pesuruhjaya yang di-lantek daripada ahli² politik.

Berkenaan dengan pandangan kepada Malaysia di-Luar Negeri, bagaimana yang di-ucapkan oleh Yang Berhormat daripada Batu yang mengatakan sa-paroh² tempat maseh lagi Malaysia ini di-levelkan sa-bagai British-Malaysia,

maka saya rasa ini-lah satu daripada tuduhan dengan sengaja di-adakan dengan niat² yang tidak baik. Sapanjang yang di-ketahui, Malaysia telah dapat mengadakan hubungan² diplomatik dengan banyak negara², baik di-Eropah, di-Afrika, di-Amerika, di-Asia dan sa-bagai-nya, antara negeri² itu ialah negeri yang di-kenali negeri² yang tidak terikat atau pun non *aligned countries* atau pun anti *colonial countries*. Dalam negeri Afrika sahaja Malaysia mempunyai Perwakilan² tingkatan Kedutaan, di-Cairo, di-Sudan, di-Morocco, di-Nigeria, di-Ghana, di-Ethiopia yang kebetulan-nya pula menjadi sa-bagai ibu kapada *Organisation of African Unity*.

Dan sa-bagaimana akhir² ini Malaysia pula dapat mengadakan hubungan diplomatik dengan Algeria. Semua negeri² ini di-ketahui sa-bagai negeri yang tidak terikat dan menentang penjajahan.

Dengan keadaan yang Malaysia ini dapat di-terima sa-bagai rakan yang sama sa-taraf dengan negeri² itu adalah menunjukkan dengan sendiri-nya bahawa Malaysia ini bukan-lah buatan British atau ikutan British bagaimana yang di-katakan oleh beliau itu bahkan sa-buah negara yang mempunyai kedudukan yang tersendiri.

Saya rasa pandangan negara² Afrika kapada kita terutama dengan pendirian kita di-dalam lapangan menentang *apartheid* yang di-buat oleh South Africa itu ada-lah menjadi sanjongan dan kebanyakan negara² Afrika yang memandang tinggi atas pendirian kita itu yang sudah tentu ini dengan terang-nya menolak tuduhan² yang mengatakan Malaysia ini sa-bagai British Malaysia.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, Kerajaan Afrika saya tidak sebut nama-nya. Ini untuk ma'alumat Yang Berhormat Menteri kita membaiki lagi, ia-itu apabila saya turun kapal terbang dia membacha dibeg saya itu "Abu Bakar bin Hamzah, Malaysia", terus dia kata "British Harami". Jadi, erti-nya Malaysia ini neo-colonialist orang puteh. "Harami" ini kata dia penjangkak. Itu ada sa-buah negeri berlaku begitu. Patut-lah Ke-

menterian kita menyiasat perhubungan kita dengan negeri itu.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Saya tidak tahu-lah negeri mana sebab beliau tidak mahu sebut. Tetapi barangkali-lah bukan kerana sebab² itu sahaja. boleh jadi Yang Berhormat ini ada membuat perkara² yang menyebabkan perkataan "harami" itu (*Ketawa*).

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Saya berani membuat jaminan kapada Menteri kita, saya tidak buat apa² (*Ketawa*). Saya mencheritakan benda yang betul berlaku.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tidak buat, tetapi ikut² kadang² itu.

Yang Berhormat daripada Kelantan Hilir pula memberi pandangan supaya Kerajaan jangan-lah membuat keputusan yang terburu² dan menarek perhatian kapada perkara Maphilindo dan juga berkenaan dengan perhubungan Russia dan sa-bagai-nya. Dalam perkara Maphilindo ini, beliau menudoh Kerajaan kita ini telah membuat keputusan yang terburu² dengan tidak mahu menghidupkan kembali. Kalau tidak salah saya, perkara ini memang telah berbangkit dalam soalan jawab mulut yang telah di-jawab oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Bagaimana yang telah di-tegaskan bahawa Maphilindo ini telah di-tubuhkan ia-lah oleh pihak yang telah mengadakan konfrontasi pada kita pada satu masa dahulu. Tetapi dengan tamat-nya konfrontasi dan sebab itu Maphilindo ini telah di-tubuhkan oleh mereka itu, tidak-lah berbangkit soalan itu dan yang menjadi tujuan kita sekarang ini ada-lah hendak memajukan ASA yang di-dasarkan kapada kemajuan dalam lapangan ekonomi, dalam lapangan social, pelajaran dan sa-bagai-nya, yang saya rasa memang boleh di-ambil bahagian dan akan sanggup memberi guna kapada kemajuan negara kita, kemajuan² negara² tetangga kita, Philipina, dan Thailand dan mana² negara juga-lah yang bersetuju hendak bersama² dalam rancangan yang sangat memberi faedah ini; dan saya tidak nampak apa sebab-nya yang pihak

Yang Berhormat daripada Kelantan Hilir itu memandangkan dasar Kerajaan ini sa-bagai terburu², oleh kerana jikalau terburu² ranchangan Kerajaan kita, tidak akan-lah dalam tempoh kita sudah merdeka 10 tahun ini telah banyak perkara² yang telah dapat dilaksanakan bahkan kita telah dapat hadapi mithal-nya konfrontasi yang telah di-jalankan dengan bagitu pesatnya oleh pehak² yang menentang kita, tetapi alhamdulillah dengan tegap dan tetap-nya dasar pendirian luar kita dan dengan sokongan yang di-beri oleh ra'ayat sakalian, maka perkara² yang demikian besar dan dahshat-nya juga dapat di-atasi. Maka ini ia-lah satu perkara yang patut di-beri pujian, bukanlah kerana saya, daripada pehak Kerajaan hendak meminta pujian bukan-lah kerana saya, daripada pehak Kerajaan hendak meminta pujian tetapi satu perkara yang patut menchelekkkan mata sa-paroh² daripada ahli² Pembangkang yang memandang semua segi gerakan daripada pehak Kerajaan semua-nya terburu², semua-nya tidak betul, tetapi dalam beberapa perkara saya nampak perkara² yang kecil, yang di-tudoh tidak betul itu-lah yang memberi guna kapada negara ini dari satu masa ka-satu masa. Oleh kerana saya perchaya ini dengan kerana ikhlas-nya Kerajaan yang ada pada ini, kita berdasarkan kapada berani kerana benar dan tidak terikut² sa-mata² kapada sentimen tetapi berdasarkan kapada chara² yang practical. Kita jalankan segala pemerentahan kita baik di-dalam dan di-luar negeri dengan chara yang kita pandang boleh memberi faedah kapada kita, bukan mengikut kata si-anu, bukan mengikut kata si-ini, bukan mengikut telatah negeri itu, bukan mengikut telatah negeri ini, tetapi mengikut kehendak maksud kepentingan kemajuan kapada negara kita ini.

Banyak soalan² yang di-buat dalam perkara Hal Urusan Haji. Saya perchaya-lah perkara² ini tidak dapat hendak saya jawab satu persatu memandangkan masa chuma tinggal lima minit lagi tetapi dalam beberapa perkara suka-lah saya menarek perhatian, pertama sa-kali tuduhan yang di-buat oleh sa-orang Ahli Yang Ber-

hormat—tidak salah daripada Bachok—yang mengatakan kita ini menghantar chuma dua atau tiga orang sahaja jururawat atau pun dresser ka-Mekah dalam masa mengambil haji, sedangkan Indonesia menghantar sampai lima puluh orang dan memberi rawatan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:

Tuan Pengerusi, yang pertama saya menguchapkan dukachita di-atas menggunakan perkataan menudoh itu. Jadi erti-nya kalau saya memberi kenyataan, Kerajaan selalu menggunakan menudoh. Saya menyampaikan ma'alumat ia-itu di-klinik kita itu ada satu dua orang yang on duty pada hari itu, sedang orang yang pergi hendak meminta obat itu banyak. Ini bukan accusation—ma'alumat yang kita dapat. Jadi tidak patut-lah Kerajaan sa-barang apa yang di-chakap di-sini memandang semua niat itu burok. Saya tiga hari sudah, Tuan Pengerusi, saya tidak tahu marah tetapi kalau ini sikap Kerajaan, saya tidak boleh tahan juga (*Ketawa*).

Engku Muhsein bin Abdul Kadir:

Yang saya maksudkan tujuan ini, tujuan yang baik-lah.

Jadi sa-benar-nya kita bukan-lah menghantar dua tiga dresser. Tahun ini kita menghantar 46 pegawai² terdiri daripada doctor dan sa-bagai-nya. Saya di-beritahu kita ada menghantar tiga oran gdoctor, 10 dresser atau pembantu Rumah Sakit, empat orang nurse dan 10 orang attendan-Ubat² yang di-kirirkan ia-lah terlalu banyak dan jenis yang moden dan mendapat sambutan tahun lepas daripada berbagai² orang bukan sahaja ra'ayat kita bahkan ra'ayat² negeri lain juga yang kecherderaan yang singgah di-situ pun menerima rawatan yang sa-wajar-nya daripada pehak mission kita ini.

Berkenaan dengan tuduhan, bukan pandangan, ia-itu daripada Yang Berhormat daripada Kelantan Hilir ia-itu mengikut kata-nya ada periok² yang digunakan kerana memasak babi digunakan pula untuk memasak makanan orang Islam dalam kapal haji. Maka saya di-beritahu juru² masak atau tukang² masak di-kapal haji itu semua-nya orang Islam dan saya di-beritahu

orang Islam itu memang-lah tidak makan babi (*Ketawa*). Jadi, sebab itu tidak-lah berbangkit soal babi atau tidak babi ini. Walau macham mana pun pehak Pengawal Urusan Haji akan menyiasat perkara ini dan alang-kah baik-nya jikalau Yang Berhormat itu betul mempunyai kenyataan² boleh-lah memberi kenyataan yang sa-benar dalam perkara ini supaya dapat di-selideki dengan sa-patut-nya.

Tuan Pengerusi, lain² perkara lagi saya rasa jikalau tidak puas hati boleh-lah di-jawab dalam masa kemudian bertulis dan sa-bagai-nya dengan kerana masa sudah chukup dan dengan ini saya menhadangkan supaya S. 20 dan S. 21 menjadi sa-bahagian daripada Jadual.

Question put, and agreed to.

The sums of \$14,343,303 for Head S. 20 and \$302,719 for Head S. 21 ordered to stand part of the Schedule.

House resumed.

Mr (Deputy) Speaker: Ahli² Yang Berhormat, saya mema'alumkan ia-itu Jawatan-kuasa Rang Undang² Perbekalan tahun 1967 telah sampai kepada Kepala S. 21 bagi Jadual dalam Rang Undang² ini. Jawatan-kuasa ini akan bersidang pada hari esok.

Meshuarat ini di-tanggohkan hingga pukul 10 pagi esok.

House adjourned at 6.30 p.m.